

29/06/2003

Barat tidak selesa jika Asia bangkit

KETIKA berucap merasmikan Persidangan Agung Umno ke-54 minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat mengenali bangsa Eropah yang dikatakan mula menunjukkan semula sifat lama dan hasrat menakluki dunia. Pada hari terakhir persidangan, Perdana Menteri sekali lagi mengulangi perkara itu dan bersetuju dengan cadangan Naib Pengerusi Umno, Datuk Seri Najib Razak supaya diadakan School of Occidental Studies bagi mengkaji orang Eropah. Wartawan BERITA MINGGU, AZRAN JAFFAR menemui Pengerusi Program Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi (PPSPP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr Nik Anuar Nik Mahmud bagi melihat sikap masyarakat Eropah dan usaha mereka dalam menakluki dunia. Temubual ini turut dihadiri pensyarah/penyelidik program Sejarah pusat pengajian sama, Mohamad Zain Musa.

BUAT permulaan, boleh Profesor ceritakan perbezaan antara School of Occidental Studies yang dicadangkan ini dengan School of Africa and Oriental Studies (SAOS) yang ada di London dan terkenal dalam mengkaji pelbagai aspek mengenai masyarakat sebelah sini?

SOAS pada awalnya diwujudkan bertujuan mendedahkan bakal pegawai yang akan bertugas di rantau Asia dan Afrika mengenai antaranya, sejarah, politik, kebudayaan dan linguistik tempatan. Ini lain. Tetapi pada peringkat selanjutnya, pusat yang sebegini sama ada di London, Oxford, Kent atau Hull, ia tidak terletak di bawah kawalan kementerian pendidikan tetapi di bawah naungan Pejabat Luar (Foreign Office). Ini kerana, pensyarah di sini, selain mengajar mereka juga menjadi pakar rujuk kepada kerajaan.

Saya pernah membuat penyelidikan di institusi seumpama ini di Sorbonne, Perancis. Apa yang saya lihat, pensyarah di situ menjadi pakar rujuk kepada kerajaan. Hasil kajian akan dibentang dan akan dirujuk kerajaan dan berharap pusat yang dicadangkan ini boleh bertindak sehingga sebegini. (celah Mohamad Zain).

Tetapi dalam kes pusat pengajian Eropah seperti yang disebutkan itu ia adalah supaya kita mengkaji masyarakat barat... politik, tindak tanduk mereka, kita sokong penubuhannya. Di pusat (PPSPS) ini misalnya, memang ada kursus sebegini, tetapi ia setakat kursus sajalah, tidak pernah difikirkan untuk diselaraskan dengan kehendak strategi kerajaan. Saya sendiri ada mengajar kursus berkaitan kuasa besar. Saya buka kursus ini sebelum teretusnya Perang Balkan. Ia bertujuan mendedahkan pelajar terhadap peranan kuasa besar dalam politik antarabangsa yang matlamat akhirnya untuk menguasai dunia. Kita cuba tunjukkan bagaimana mereka bersaing dan memperalatkan orang tempatan untuk memenuhi matlamat

mereka,  
seterusnya dapat menguasai. Bagaimanapun, setakat itu saja dan masyarakat luar tidak terdedah kepada ilmu ini.

Dari segi sejarah, masyarakat Eropah berperang sesama sendiri, namun akhirnya mereka bersatu menjadi satu kuasa yang menakluki dunia.

Bagaimana

Prof melihat perkara ini?

Pada pertengahan abad ke-19 ada beberapa kuasa besar, Britain, Perancis, Austria/Hungary, Jerman termasuk Turki Uthmaniah. Mereka berpecah dan bersaing untuk menguasai dunia. Britain berbalah dengan Perancis dan Russia untuk menguasai Timur Tengah dan Asia. Kuasa besar ini juga berbalah untuk menguasai empayar Uthmaniah. Bagaimanapun, perbalahan itu menyebabkan empayar Uthmaniah terselamat. Russia cuba menguasai tetapi dihalang Britain. Yang menjadi masalah kemudiannya ialah kepada Uthmaniah

apabila kuasa besar ini bersatu, menyebabkan Uthmaniah tergugat. Britain dan Perancis pada 1904 mereka berdamai. Britain dan Russia pada 1907.

Apabila ketiga-tiga kuasa ini bekerjasama, keselamatan Uthmaniah tergugat. Untuk menyelamatkan diri, Uthmaniah terpaksa berbaik dengan Jerman. Sebab itu dalam Perang Dunia Pertama (PD1), Turki berpihak pada Jerman kerana negara itu tidak pernah mengganggu keselamatan Turki. Pada PD1 Jerman kalah, begitu juga Turki. Tetapi apabila perang tamat dan kuasa

besar bersidang yang menjadi mangsa bukan Jerman walaupun dalam Perjanjian

Versailles yang diadakan selepas perang disebut Jerman bertanggungjawab kerana mencetuskan peperangan dan mesti dihukum (membayar ganti rugi dan sebagainya).

Selepas ini pula wujudnya kuasa Jepun

Tetapi kuasa besar ini dia tidak akan benar kuasa lain wujud. Jepun, ia boleh menjadi kuat (walaupun sebelum itu ada reformasi dalam pentadbiran)

sebab dia menjadi proksi kepada Britain dalam peperangan menentang Russia

(Perang Russia-Jepun Pertama 1904).

Britain tidak mahu berperang dengan Russia tetapi menggunakan Jepun. Senjata diberikan kepada Jepun menyebabkan Jepun menang, mengalahkan satu

kuasa besar iaitu Russia. Pertama kali dalam sejarah sebuah negara Asia dapat mengalahkan kuasa besar Eropah. Tetapi menang disebabkan bantuan Eropah. Jepun menjadi kuat bila dapat teknologi itu. Pada 1921 Britain dan

Amerika bersatu untuk menyekat kebangkitan Jepun dan tidak dibenarkan mempunyai bala tentera yang besar. Tetapi Jepun sudah dapat teknologi. Bila Jepun sudah menjadi sebuah negara industri, dia hendak cari pasaran,

cari bahan mentah dan kuasa Barat mula kenakan sekatan jadi bila kena sekatan, kebetulan Jepun cuba masuk ke China.

Jadi akhir sekali Jepun dikenakan sekatan dan ini menjadikan dia tidak ada pilihan dan kena pecahkan sekatan itu menjadikan Perang Dunia Kedua (PD2). Sesetengah ahli sejarah berpendapat PD2 (Asia Pasifik) dirancang

oleh kuasa besar terutama sekali Amerika, supaya Jepun terbabit dalam satu peperangan besar dan kemudian dihukum hingga menyebabkan sehingga sekarang jadi dayus. Sebab itu Jepun, bila Dr Mahathir cadangkan penubuhan East Asia Economic Group (EAEG), ia tak berani sokong kerana Amerika tak setuju.

Ini bermakna Asia sukar untuk bangkit sebagai satu kuasa?

Saya sudah pegang teori ini lama dulu, sebelum Asia terperangkap dalam kekalutan ekonomi-politik. Barat tidak akan benarkan Asia bangkit.

Kesnya

ialah Jepun yang tidak akan bangkit. Ia akan menjadi kuasa ekonomi tetapi

tertakluk kepada Washington dan London. Dulu orang kata abad 21 ialah abad

Asia dan orang kata Asian Renaissance, tetapi Barat tidak akan benarkan (ini terjadi).

Tahun 1997, ia bermula dengan krisis ekonomi yang membawa kepada krisis

politik... tuduh menuduh... kacau bilau. Nasib baik bagi Malaysia kerana ekonomi kukuh sedikit, berbanding jika kita lihat Indonesia, dan sememangnya kuasa barat sebolehnya mahu kita jadi lemah dan tak mahu Indonesia jadi kuat. Sejak PD2 kuasa barat tidak mahu melihat Indonesia jadi kuat dan mempunyai hubungan rapat dengan Malaysia sebab ini adalah rantau Nusantara yang berpotensi menjadi kuasa besar.

Bagaimana pula dengan China yang dikatakan sebagai satu kuasa yang sedang naik, namun ia agak perlahan juga?

China berpotensi menjadi kuasa besar, pada zaman Manchu dulu ia sudah menjadi satu kuasa dunia. Abad 19 semua orang nak berdagang dengan China.

British pergi hendak berniaga tetapi China kata tidak, sehingga berperang

tiga kali... dan mereka berfikir bagaimana supaya China membuka negaranya

kepada pelabur luar... menggunakan candu dan kaedah lain. Potensi itu ada,

tetapi China tidak pernah dijajah, ia hanya ditekan. Hong Kong pula adalah

secara pajakan. Tetapi selepas itu berlaku konflik dalaman yang menyebabkan ia semakin lemah... revolusi dan sebagainya. Tetapi sekarang China sudah bangkit semula dan mungkin menjadi satu kuasa besar.

Kita melihat sejarah ini dan sebab itu kita lihat (Perdana Menteri kedua) Tun Razak menjalin hubungan dengan China dan kita cuba pupuk hubungan mesra dengan China. Dari segi sejarah, kuasa besar mahu kita mengikut rentak mereka, jika kita ingin bebas mereka akan mula menghukum.

Bagaimana pula Prof melihat peletakan proksi-proksi kuasa besar di rantau ini?

Itu satu tekanan yang mana mereka akan melakukan dengan apa cara sekali

pun. Bagi negara proksi ini mereka negara kecil dan kalau berkawan dengan

kuasa besar mereka berasa besar. Bermakna mereka mendapat keuntungan besar. Bagi Malaysia misalnya, kita sebuah negara merdeka kalau kita

tunduk pada kehendak mereka kita tak boleh membangun... pembangunan ikut acuan mereka dalam semua aspek.

Bagaimana kita hendak kata kita merdeka jika sebegini? Kuasa besar ini kalau boleh mereka hendak kawal... kita nampak 'tangan-tangan' itu. Bagi Malaysia kita beruntung kerana pemimpin kita tegas. Mungkin ini membuatkan

kita selamat. Tetapi jika politik dalaman kacau bilau, berpecah kita mungkin lemah. Oleh itu pemimpin perlu berani, tegas dan disokong oleh rakyat jika tidak kita tak mampu. Dari segi ekonomi kita ada sumber.

Berbalik kepada soal perpaduan, adakah masyarakat kita tidak sedar terhadap kuasa penjajahan atau ini semula jadi masyarakat Asia?

Ini yang dikatakan buta sejarah. Sebabnya, kalau kita belajar sejarah kita sedar bahawa perpecahan yang membuatkan kita dijajah. Tetapi mengapa

orang kita masih berpecah? Kita lihat Melayu sebagai contoh, masih tuduh menuduh. Kita orang akademik cuba mengatasi politik. Bila saya tengok sejarah (orang) Melayu abad ke-19... sama. Perak contohnya... pembesar dengan Sultan... Ngah Ibrahim... akhirnya British masuk. Saya ke London buat penyelidikan... British memang sudah merancang hendak masuk... cari sebab saja, sebab kita ada bijih yang pada waktu itu harganya di pasaran London memang tinggi dan saudagar di Negeri-Negeri Selat kalau boleh hendak menguasai semuanya... sedangkan bijih dikuasai oleh Ngah Ibrahim dan beliau tidak mahu menjualnya seperti kehendak mereka.

Mereka mula mempengaruhi orang politik untuk campur tangan dan mengambil

alih lombong, maka tercetuslah kacau bilau. Perbalahan sudah ada tetapi hendak memburukkan lagi supaya memberi alasan untuk mereka masuk. Jika kita baca sejarah, ada pengaruh kongsi gelap, tetapi ia berpangkalan di Pulau Pinang. Kongsi gelap bukan kerjanya mengambil upah dan mereka bergaduh sesama sendiri kerana diupah untuk memberi alasan kepada pihak tertentu.

Melihat keadaan semasa, kita perhatikan kuasa besar Eropah contohnya Jerman, Perancis seperti kurang cergas dan Amerika yang cuba menjadi tuan dunia, walaupun asalnya orang Amerika ini adalah dari Eropah. Bagaimana Prof melihat keadaan ini?

Eropah terbabit dalam dua peperangan besar PD1 dan PD2 menyebabkan ekonomi mereka jatuh sebab itu mereka menjadi lemah. Bagi Amerika buminya

tidak pernah berlaku peperangan dan berperang di tempat orang.

Pembabitan

mereka dalam peperangan juga secara last-minute, ia biarkan Eropah berperang dulu apabila kedua pihak sudah lemah ia masuk, dan menang... dan

dapat mengawal. Akhirnya apabila dah menguasai ia yang mencorakkan politik. Contohnya pencerobohan di Iraq, mereka mempersoalkan kepada Britain siapa yang menolong mereka sewaktu PD2? Sekarang ini nampaknya Perancis tidak mahu jadi boneka, itu yang kita nampak, tetapi kita tak tahu keadaan sebenarnya... tetapi dalam dalam kes Iraq, mereka tidak halang.

Eropah sudah menubuhkan European Union yang pada pemahaman saya adalah satu cara untuk mereka bersaing dengan kuasa besar lain. Jika kita lihat, walaupun mereka nampak diam, tetapi unsur untuk menentang kuasa yang

satu

lagi itu ada. PD1 dan PD2 baru lagi jadi pada pengalaman mereka belum sampai masa (untuk bangkit semula) dan memastikan mereka betul-betul bersedia (celah Mohamad Zin)..

Dari satu segi kita boleh katakan kesepaduan mereka itu tetap ada?

Ada. Macam yang disebutkan tadi, terhadap Iraq, mereka tak halang. Seolah-olahnya dibiarkan juga. Bagi mereka peperangan itu perjuangan. Bermakna Eropah masih Eropah. Bila ada common enemy mereka bersatu. Selepas menghancurkan empayar Turki Uthmaniah, mereka tidak akan

benarkan

munculnya sebuah kuasa Islam yang kuat. Ini yang saya pegang. Sebabnya selepas kehancuran Uthmaniah wujudnya satu gerakan yang dinamakan Khilafah

juga Hizbi al-Tahir, sehingga sekarang yang memperjuangkan pembentukan semula negara Islam berasaskan sistem khalifah. British, sejak tamat PD2 mereka memantau gerakan ini supaya ia tidak mendapat sokongan yang boleh menyatukan negara Islam dan mengancam keselamatan serta kepentingan Eropah. Jika ada negara yang bangun dan kuat menjadi sebuah Islamic state

mereka akan menentang.

Jadi mereka dengan Islam?

Sebabnya mereka ini orientalis dan ada pusat yang mengkaji orang Islam, Asia. Mereka mengkaji Hadis. Ada sebuah hadis yang antaranya menyebut: "akan muncul satu kumpulan berpakaian hitam..." Mereka yakin akan muncul satu kekuatan yang boleh mengancam kepentingan mereka, jadi sebab itu apabila ada tanda ini mereka akan menghancurkan... Afghanistan, Iran, Iraq. Mereka tidak akan membenarkan muncul sebuah negara Islam selepas mereka hancurkan Uthmaniah. Kita dulu... Aceh, negeri Melayu semuanya berlindung di bawah Uthmaniah. Sewaktu berlaku penentangan Abdul Rahman Limbong tahun 1928 di Terengganu, bendera Turki dikibar sedangkan pada waktu itu Turki sudah hancur.

Bagaimana pula Prof melihat pandangan Perdana Menteri terhadap kuasa-kuasa besar ini?

Apa yang menjadi kebimbangan Perdana Menteri ialah jika pemimpin akan datang tidak memahami sejarah terutama kuasa-kuasa besar yang mana kita mungkin akan terperangkap dengan permainan politik mereka yang mungkin menyebabkan kita dijajah. Penjajahan sekarang tidak seperti dulu...

mereka

akan melantik pemimpin yang disenangi yang akan tunduk kepada kehendak mereka.